

0424

U 8839 DEB

MAHATHIR (EMBARGO) UNTUK SIARAN PADA MALAM SEBELUM HARI RAYA)

KUALA LUMPUR, 16 MEI (BERNAMA) -- RAKYAT PATUT MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN KEKELUARGAAN DAN PERSAHABATAAN DI KALANGAN MEREKA DEMI KESTABILAN NEGARA, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

MASYARAKAT TIDAK AKAN BAHAGIA SEKIRANYA HUBUNGAN KEKELUARGAAN DAN PERSAHABATAN TIDAK WUJUD, KATANYA DALAM PERUTUSAN HARI RAYA ADILFITRI MELALUI RTM MALAM INI.

BELIAU BERKATA AMALAN SEUMPAMA INI MEMBINA SEMANGAT, KEMESRAAN DAN KASIH SAYANG DI KALANGAN RAKYAT DAN MENJADIKAN MEREKA SEBAGAI ANGGOTA YANG BERTANGGUNGJAWAB.

KATANYA, TANPA HUBUNGAN YANG KUAT, KEMESRAAN DAN TANGGUNGJAWAB, MASYARAKAT AKAN RETAK DAN PECAH, LANTARAN MENCETUSKAN HURU-HARA DI DALAM NEGARA.

HARI RAYA YANG MERIAH TIDAK MUNGKIN DINIKMATI SEKIRANYA NEGARA DALAM KEADAAN HURU-HARA, TAMBAHNYA. -- LAGI
1913MST 16 05 88

0429

U 8840 DEB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA SATU LAGI USAHA YANG BAIK KE ARAH MEMPUK HUBUNGAN YANG RAPAT ANTARA RAKYAT IALAH AMALAN MENGADAKAN RUMAH TERBUKA.

MENURUTNYA, DENGAN MENGADAKAN RUMAH TERBUKA, RAKYAT BUKAN BERAGAMA ISLAM AKAN BERPELUANG MENGUNJUNGI RAKAN-RAKAN BERAGAMA ISLAM DAN MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN DI ANTARA MEREKA.

BELIAU, SEMENTARA ITU, BERKATA RAKYAT PATUT BERSYUKUR KERANA BERPELUANG MENYAMBUK HARI RAYA DALAM KEADAAN EKONOMI YANG KIAN PULIH DAN HARGA BARANGAN UTAMA NEGARA SEMAKIN BERTAMBAH BAIK.

MALAYSIA BERUPAYA MEMULIHKAN KEADAAN EKONOMINYA KERANA NEGARA DALAM KEADAAN YANG STABIL, TAMBAHNYA.

DENGAN ITU, RAKYAT TIDAK SEPATUTNYA MENGECAM TINDAKAN-TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN UNTUK MEMASTIKAN KESTABILAN NEGARA. -- LAGI

1924MST 16 05 88

0431

U B841 DEB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU MEMBERI CONTOH KETEGANGAN PERKAUMAN PADA TAHUN LEPAS YANG DIKATAKANNYA BOLEH MENCETUSKAN PERISTIWA SEPERTI PADA 1969.

UNTUK MENGELAKKAN PERISTIWA YANG PAHIT ITU, KERAJAAN TELAH MENGAMBIL BEBERAPA TINDAKAN TEGAS TERMASUK MENAHAN BEBERAPA AHLI POLITIK DAN ORANG PERSEORANGAN YANG MENIMBULKAN KETEGANGAN KAUM SERTA MENGHARAMKAN PENERBITAN BEBERAPA AKHBAR TEMPATAN.

PERDANA MENTERI BERKATA HASIL TINDAKAN ITU, KERAJAAN BERJAYA MENSTABILKAN SEMULA KEADAAN POLITIK NEGARA DAN MEMULIHKAN KEYAKINAN PELABUR ASING UNTUK TERUS MELABUR DI NEGARA INI.

TAMBAHNYA, UNTUK MELANJUTKAN IKLIM PELABURAN YANG BAIK, PEKERJA MALAYSIA TIDAK PATUT TERLALU MEMILIH PEKERJAAN DAN HARUS ELAK DARIPADA MEMBERI GAMBARAN BAHAWA MEREKA PEKERJA YANG SUKA MENYUSAHKAN MAJIKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN RAKYAT MENGENAI KEHADIRAN ELEMEN-ELEMEN TERTENTU DI KALANGAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI YANG CUBA MEWUJUDKAN PERBALAHAN DAN PERPECAHAN DI KALANGAN MEREKA.

KATANYA, PERBALAHAN-PERBALAHAN INI, SEKIRANYA DIBIARKAN BERLARUTAN, BOLEH MENGUGAT PERPADUAN UMMAH, DAN MENAMBAH, UMAT ISLAM PATUT BERIKRAR MENGHAPUSKAN ELEMEN-ELEMEN ITU DAN BERUSAHA GIGIH UNTUK MENGUKUHKAN PERPADUAN UMMAH. -- BERNAMA
1934MST 16 05 88